

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai. SP5.2.1

menguis-nguis
terkial-kial

meronta-ronta
kekabu

bebenang
awan-gemawan

sayup-sayup
rempah-ratus

- 1 Puan Irma menggunakan _____ untuk melazatkan masakannya.
- 2 Skru ini tidak boleh digunakan lagi kerana _____nya sudah haus.
- 3 Bunyi kokokan ayam jantan _____ kedengaran.
- 4 Budak itu tunduk sahaja apabila ditegur oleh Pak 'Akil sambil kaki kanannya _____ tanah.
- 5 Adik _____ mengikat tali kasutnya yang terlucut itu.
- 6 _____ kelihatan hitam sebaik-baik sahaja kami tiba di tapak perkhemahan itu.
- 7 Anak kambing itu _____ untuk melepaskan diri daripada ikatan.
- 8 Bantal itu koyak dan _____nya bertaburan di atas lantai.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Badrul nyaris nyaris tergelincir semasa melalui titi itu.

- 2 Kehidupan Puan Zaharah sekeluarga amat senang-lenang sejak suaminya dinaikkan pangkat.

- 3 Kartina pulang ke kampung seolah-olah untuk menziarahi ibu saudaranya yang sedang sakit.

- 4 Perompak itu menjeling-jeling di dalam semak untuk mencari jalan keluar apabila beberapa orang kampung cuba menangkapnya.

- 5 Rita menyapu dedaun-dedaun kering di halaman rumah neneknya.

- 6 Puan Sabrina dan anaknya saling berdakap-dakapan sambil menangis sebelum berpisah.

- 7 Peserta bengkel penulisan itu bertukar tukar fikiran bagi menyiapkan tugas untuk dibentangkan pada akhir kursus nanti.

- 8 Para petani-petani di kawasan itu akan diberi bantuan pinjaman oleh kerajaan.

[16 markah]